

APLIKASI TEORI TAKMILAH DALAM FARA'ID AL-FAWA'ID AL-FIKRA FI AL-IMAM AL-MAHDI: SATU ANALISIS KEPIMPINAN ISLAM

APLIKASI TEORI TAKMILAH DALAM FARA'ID AL-FAWA'ID AL-FIKRA FI AL-IMAM AL-MAHDI: SATU ANALISIS KEPIMPINAN ISLAM

Syarifah Salha Syed Ahmad¹, Mohd Rosli Saludin², Adenan Ayob³

¹Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

³Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Accepted date: 07-11-2018

Published date: 17-03-2019

To cite this document: Ahmad, S.S.S., Saludin, M.R., & Ayob, A. (2019). Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam. *International Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (JISED)*, 4(17), 20-30.

Abstrak: Kajian ini meneliti aspek-aspek kepimpinan Islam yang terkandung dalam teks manuskrip kisah Imam al-Mahdi dengan judul *Fara'id al-Fawa'id al-Fikra fi al-Imam al-Mahdi* karangan Sheikh Daud al-Fatani r.h.m. Penelitian terhadap aspek-aspek kepimpinan pada seorang pemimpin dianalisis berdasarkan teori Takmilah dalam prinsipnya yang kedua iaitu Kerasulan yang bersifat Kamil. Hasil kajian mendapati ciri-ciri kepimpinan disentuh dari sudut khalifah, dakwah dan jihad serta terangkum dalam prinsip Takmilah yang mengangkat sifat kerasulan sebagai manusia yang sempurna (Kamil) dan berkeelayakan diiktiraf sebagai seorang pemimpin. Penegasan terhadap ciri-ciri pemimpin Kamil difokuskan kearah pembentukan sebuah negara yang berdaulat. Metod penyelidikan kualitatif digunakan bagi meneliti ketiga-tiga ciri kepimpinan yang diuraikan dalam teks manuskrip melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini dilihat dapat menyumbang kepada pertambahan koleksi khazanah ilmu di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dan dapat memartabatkan khazanah warisan Melayu di Malaysia.

Kata Kunci: Takmilah, al-Imam, Analisis, Kepimpinan Islam

Abstract: This study aims to identify in detail about aspects of the Islamic leadership on Imam al-Mahdi under the title *Fara'id al-Fawa'id al-Fikra fi al-Imam al-Mahdi* by the word of Sheikh Daud al-Fatani r.h.m. The aspects of leadership is to identify and analyze in detail accordance with the principles of Takmilah's theory with the prophetic principle of Kamil. The result showed that; the characteristics of Islamic leadership can be found with the concept of Khalifah, Dakwah and Jihad, coincide with the prophetic principle of Kamil and it is

recognized as a leadership. Affirmation of Kamil leadership is to focused for build up the sovereign kingdom. Qualitative method was conducted to identify three of leadership concept using the library and text analysis. This effort also contributes to increase knowledge collection at the Malay Manuscript Center, the National Library of Malaysia as well as enhancing the Malay heritage of Malaysia.

Keywords: *Takmilah, al-Imam, Analysis, Islamic Leadership*

Pengenalan

Berdasarkan teori-teori kedatangan Islam di Asia Tenggara, menunjukkan peralihan penulisan manuskrip berpengaruh Hindi kepada pengaruh bahasa Arab telah digunakan selepas kedatangan Islam ke Nusantara. Penggunaan huruf-huruf Arab dalam manuskrip Melayu memperlihatkan kemajuan dalam penulisan Tamadun Melayu. Menurut Russel Jones (1983: 125), tulisan Arab mula digunakan dalam masyarakat untuk mengeja bahasa Melayu sesudah abad ke- 13. Hal ini terbukti melalui penemuan batu bersurat di Terangganu pada tahun 1303 Masihi yang menggunakan sistem ejaan Jawi. Meskipun begitu, di tempat-tempat lain telah ditemui batu nisan yang bertulisan Arab seperti di Brunei (440H/1048M), di Leran (1062M) dan di Aceh (1297M), serta kepingan wang syiling yang ditemui di Kelantan (557H/1161M).

Demikian juga telah ditemui dalam naskhah manuskrip Fara'id al-Fawa'id al-Fikra fi al-Imam al-Mahdi iaitu penggunaan bahasa Arab sebagai medium komunikasi untuk menyampaikan sebuah cerita yang menjadi perbualan para ulama. Kisah kedatangan al-Imam al-Mahdi di akhir zaman menjelang kiamat, menjadi topik hangat yang sering dibualkan bahkan kedapatan ramai penulis telah menulis tentangnya dalam pelbagai versi bahasa. Salah satu bahan yang menjadi rujukan kepada para pengkaji dan penulis untuk menulis tentang kisah Imam al-Mahdi adalah naskhah manuskrip tersebut. Juga telah ditemui teks terjemahan Fara'id Fawa'id al-Fikra fi al-Imam al-Mahdi dalam bahasa Melayu menggunakan aksara Jawi lama.

Ketidak seragaman sistem ejaan menjadi salah satu punca utama para pengkaji kurang berminat untuk mengkaji manuskrip Alam Melayu. Kesukaran memahami maksud tulisan menjadikan para pengkaji terpaksa mengambil masa yang lama untuk menamatkan sesebuah kajian yang hendak dikaji. Didapati skrip yang terkandung dalam manuskrip Alam Melayu memaparkan suatu bentuk ejaan yang tersendiri, berlainan, tidak seragam dan tidak konsisten serta berbeza untuk kata yang sama. Hal yang demikian ini diakui oleh Ab. Razak Ab. Karim (2002) dalam kajiannya yang diterbitkan oleh Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM) yang berjudul: Aspek Penggunaan Bahasa Dalam Warkah-warkah Melayu Lama. Justeru, memerlukan pengkaji berhadapan dengan proses transliterasi dan mentahqiq sebelum melakukan kajian.

Bertitik tolak daripada itu, naskhah Fara'id al-Fawa'id al-Fikra fi al-Imam al-Mahdi menjadi pilihan kerana aspek-aspek penonjolan terhadap ciri-ciri kepimpinan dan pemilihan seorang pemimpin yang dianjurkan oleh Islam menjadi topik yang menarik untuk dikaji meskipun cabarannya amat hebat untuk didepani. Manuskrip ini menjadi pilihan kerana pengkaji meyakini akan kepentingannya sebagai sumber penyebaran ilmu yang bertunjangkan al-Quran, as-Sunnah dan hadis yang perlu diketahui umum. Justeru bagi mencapai matlamat dan objektif kajian, persoalan-persoalan kajian merupakan garis panduan utama dalam memandu pengkaji untuk meneliti fokus kajian iaitu analisis kepimpinan berpandukan teori Takmilah. Persoalan-persoalan tersebut seperti berikut:

- a. Apakah ciri-ciri pemimpin akhir zaman yang ditonjolkan dalam naskhah kajian?
- b. Apakah aspek-aspek kepimpinan yang dibincangkan dalam naskhah kajian?

Teori Takmilah

Teori Takmilah melalui prinsipnya yang kedua mengangkat sifat *Kamil* yang ada pada diri Rasulullah SAW sebagai satu gagasan yang membuktikan bahawa penciptaan manusia di atas muka bumi ini adalah sebagai sebaik-baik kejadian. Kelahiran manusia disifatkan sebagai khalifah (pemimpin) untuk diri sendiri. Manakala Rasulullah SAW merupakan sebaik-baik khalifah yang diciptakan untuk menjadi pemimpin bagi diri baginda sendiri dan ummat khususnya. Kemuliaan sifat dan akhlak Rasulullah SAW sangat bertepatan dengan konsep ideal keinsanan yang dibahaskan dalam teori Takmilah iaitu: konsep khalifah, konsep dakwah dan konsep jihad. Ketiga-tiga konsep ideal keinsanan ini diperincikan melalui penonjolan aspek-aspek kepimpinan yang dimiliki oleh al-Imam al-Mahdi sebagai pemimpin terakhir di atas muka bumi yang berantainya salasilahnya dengan Rasulullah SAW.

Teori Takmilah dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar, mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM), UKM dengan judul pembentangan kertas kerja: Takmilah: Teori Sastera Islam, semasa Nadwah Sastera Islam Antarabangsa anjuran DBP pada 1 hingga 3 Disember 1993. Istilah Takmilah tidak muncul pada peringkat awal pembentangan kertas kerja yang hanya membincangkan secara umum landasan terhadap kritikan dan analisis karya. Lanjutan daripada itu, lahir beberapa siri pembentangan kertas kerja yang membincangkan tentang istilah Takmilah sebagai pengolahan teks dengan tajuk: Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rahayin Sebagai Model Sastera Islam, pada 5-8 September 1993 dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Pun demikian, perbincangan tersebut telah membuahkan idea kepada Shafei untuk menghasilkan suatu gagasan pemikiran terhadap kerangka teori berkonsepkan tauhid.

Shafei berpendapat bahawa teori Takmilah dapat membuka ruang kepada para sarjana dan pengkritik untuk membuat analisis dan kritikan sastera berdasarkan kepada konsep tauhid secara langsung berasaskan prinsip-prinsip keislaman yang syumul. Gagasan teori Takmilah yang dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar mengandungi tujuh prinsip yang bersifat holistik kerana melibatkan hubungan pengkarya dengan karyanya yang bersifat ketuhanan, kenabian dan keilmuan. Oleh itu, prinsip-prinsip yang digariskan dalam teori ini adalah tunjang yang mendasari aspek-aspek penting dalam menghuraikan maksud Takmilah.

Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan kepada analisis dan kritikan yang bersandarkan kepada konsep tauhid. Teori ini juga telah membuka jalan alternatif kepada para pengkaji, pengkritik dan para sarjana untuk mengulas, menganalisis dan membuat kritikan berasaskan prinsip-prinsip keislaman. Teori ini sangat sesuai diaplikasikan dalam naskhah kajian kerana mempunyai pertalian dengan unsur-unsur kepimpinan Islam. Tujuh prinsip utama yang mendasari teori Takmilah adalah: prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* (sempurna), prinsip kerasulan yang bersifat *Kamil* (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna), prinsip ilmu dan sastera yang bersifat *Takmilah* (menyempurnakan), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka kearah insan *Kamil* (sempurna). Pun demikian, kajian ini hanya menggunakan prinsip kedua iaitu kerasulan yang bersifat *Kamil* untuk menganalisis teks dari sudut kepimpinan.

Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif digunakan sebagai teras utama ke atas naskhah kajian. Pendekatan ini akan dapat menghuraikan analisis-analisis yang dilakukan ke atas teks kajian seterusnya dapat mengelaskan analisis berpanduan teori Takmilah dalam menemukan ciri-ciri atau aspek-aspek kepimpinan yang terkandung di dalamnya. Kajian kepustakaan dan analisis teks adalah dua kaedah yang paling sesuai digunakan dalam metod ini.

Kajian kepustakaan adalah sangat penting kerana akan membantu pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Disamping itu, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam membuat rujukan berkaitan definisi istilah, mencari kajian-kajian terdahulu sama ada dalam bentuk tesis, jurnal, majalah atau buku-buku yang berkaitan dengan tajuk dan fokus kajian. Manakala kaedah analisis teks pula dilakukan ke atas setiap satu helaian naskhah menggunakan analisis jenis suntingan. Dalam analisis jenis suntingan, pengkaji membaca bahagian-bahagian dalam teks dengan teliti dan menulis interpretasinya (pemerhatian) di ruang sebelah teks tersebut. Kemudian barulah pengkaji mengekod atau mengkategorikan pemerhatian tadi untuk dibaca semula dan membuat interpretasi lanjutan (Glaser & Strauss, 1967; McCracken, 1988; Strauss & Corbin, 1990).

Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil

Seperti yang digagaskan oleh Shafie dalam teori Takmilah, sifat kerasulan sebagai insan Kamil membuktikan bahawa kewujudan manusia di muka bumi adalah bukti kekuasaan Allah SWT yang bersifat *Kamal* sebagai Yang Maha Sempurna. Dalam teori Takmilah, sifat *Kamil* yang ada pada diri Rasulullah SAW dijadikan satu gagasan untuk membuktikan tentang kewujudan manusia sebagai sebaik-baik kejadian dan dipimpin oleh pemimpin yang dapat melaksanakan perintah-Nya bahkan menjadi *role model* kepada manusia sejagat.

Konsep Khalifah

Menurut Ahmad Mustafa al-Maraghiy (Jilid I, 2001:346), *khalifah* bermaksud pemimpin, pemerintah atau wakil Tuhan di muka bumi. Islam menekankan tentang kepentingan khalifah dan telah diperjelaskan dalam al-Quran melalui Surah al- An'am Ayat 165 dengan maksud: Dialah yang mengangkat kamu menjadi khalifah di bumi, dan meninggikan setengah kamu daripada yang lain beberapa darjat, supaya Dia mencubaimu tentang apa-apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat lekas siksaan-Nya dan sesungguhnya Dia pengampun lagi penyayang.

Demikian itu kerana khalifah adalah pemimpin yang dipilih untuk menyempurnakan dan mengendalikan hal ehwal manusia dan dipertanggungjawabkan sebagai wakil Tuhan yang menyeru melakukan kebaikan dan berusaha mencegah daripada melakukan kemungkaran. Oleh yang demikian darjat atau makam pemimpin yang adil dan melaksanakan perintah Tuhan dipandang tinggi di sisi Allah S.WT.

Kamariah Kamaruddin (2011:82) menyatakan bahawa tiga konsep falsafah pemikiran Islam adalah insan Kamil, insan Khalifah dan insan Rabbani. Ketiga-tiga falsafah ini merupakan tahap kedudukan manusia dalam menyempurnakan perintah Allah S.WT di muka bumi ini. Oleh yang demikian al-Mahdi sebagai khalifah merujuk kepada kemampuan menjadi pemimpin akhir zaman kerana mempunyai ciri-ciri sebagai khalifah terpilih antaranya dari sudut nasab keturunan yang mulia, berperibadi tinggi dan berilmu yang dapat membawa manusia ke jalan yang disyariatkan Allah SWT. Antara petikan hadis dalam bahan kajian adalah:

Mula al-Mahdi itu daripadaku yakni isi rumahku, yang cemerlang dahinya, mancung hidunya lagi tinggi batang hidungnya yang memenuhi bumi benarnya dan adilnya yang nyata seperti memenuhi zalimnya dan anianyanya, lama kerajaannya tujuh tahun. (hlm. 13)

Justeru dapat difahami daripada kupasan hadis-hadis tersebut bahawa al-Mahdi sebagai pemimpin yang adil adalah insan yang memiliki perwatakan Rasulullah SAW iaitu sebagai pemimpin yang berakhlak mulia. Oleh yang demikian, naskhah manuskrip ini didapati menepati prinsip teori Takmilah yang digagaskan oleh Shafiei Abu Bakar yang menekankan akhlak pemimpin seperti yang digariskan dalam Islam. Hal yang demikian ini dapat dilihat melalui maksud firman berikut:

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. (Surah An-Nuur: 55)

Selain daripada itu, keadilan al-Mahdi sebagai pemimpin akhir zaman diakui oleh Rasulullah SWT seperti dalam hadis berikut:

Tidak terjadi hari kiamat kecuali bumi dipenuhi kezaliman dan kesewenang-wenangan kemudian keluar lelaki dari ahli baitku yang memenuhinya dengan keadilan sebagaimana sebelumnya telah dipenuhi kezaliman dan kesewenang-wenangan. (HR. Ibnu Hibban: 6823)

Pengkaji mendapati penegasan tersebut turut terdapat dalam petikan berikut:

Tiada berdiri hari kiamat sehingga memiliki seorang laki-laki daripada isi rumahku yang mengalahkan negeri Qastantiyyah dan Jabal Dilam. Maka keduanya itu daripada negeri pihak Sham dan adapun daripada Athar yakni daripada perkataan sahabat. (hlm. 8)

Hal ini menjelaskan bahawa, sikap seorang pemimpin yang disegani seharusnya memiliki ciri-ciri mukmin yang soleh iaitu sentiasa mentaati Allah dan menjadi juru pandu kepada manusia untuk lebih mentaati Islam dan Allah SWT khususnya. Hal ini sejajar dengan prinsip Takmilah, kerasulan sebagai insan *Kamil*. Pelitian terhadap konteks maksud insan *Kamil* dapat difahami bahawa tahap insan *Kamil* itu sendiri hanya dapat dicapai oleh para nabi dan rasul serta insan tertentu dan khusus sahaja, yang dipilih oleh Allah SWT berdasarkan proses peribadatan yang jitu, keimanan dan ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT. Al-Mahdi telah diangkat tarafnya di sisi Allah SWT sebagai ‘manusia sempurna’ Maka dengan itu, al-Mahdi adalah manusia biasa yang diangkat sebagai ‘insan khalifah’ yang dibaiah menjadi pemimpin akhir zaman kerana telah melalui suatu proses pengabdian dan pengislahan dalam usaha mengangkat keimanan dan ketakwaannya daripada manusia biasa hingga menjadi seorang pemimpin. Penonjolan konsep khalifah selaras dengan maksud insan *Kamil* dan diperincikan melalui keperibadian al-Mahdi sebagai seorang pemimpin yang adil, istimewa dan mulia.

Konsep Dakwah

Menurut Armawati Arbi (2003) dari sudut estimologi (bahasa) menjelaskan bahawa perkataan dakwah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud panggilan, ajakan, seruan. Menurut

ilmu tatabahasa Arab, perkataan dakwah adalah 'isim masdar' yang berasal daripada fiil (kata kerja) 'da' 'a' 'yad' 'u', yang bermaksud memanggil atau menyeru.

Dari sudut istilah, perkataan dakwah membawa maksud suatu seruan yang berupa ajakan untuk beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW, dengan mempercayai dakwah yang disampaikan dan mentaati yang diperintahkan (Ibnu Taimiyyah dalam Syaikh Akram Kassab, 2010)

Ab.Aziz Mohd Zin (1991) menjelaskan bahawa dakwah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru atau melaung. Kepentingan dakwah telah difirmankan oleh Allah SWT dalam al-Quran melalui Surah Ali-Imran Ayat 110 yang maksud: Adalah kamu sebaik-baik umat, yang dilahirkan bagi manusia, (supaya) kamu menyuruh dengan ma'ruf dan melarang dari yang mungkar, serta beriman kepada Allah. Kalau berimanlah ahli kitab, nescaya lebih baik bagi mereka, tetapi setengah mereka beriman dan kebanyakan mereka fasik.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa dakwah bukanlah semata-mata seruan mengajak manusia kepada agama Allah SWT bahkan dakwah adalah satu usaha untuk mengajak manusia melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang tidak baik atau dimurkai Allah. Maka dengan itu, tugas berdakwah adalah satu tanggungjawab berat yang harus dilaksanakan oleh seorang pemimpin yang semestinya memiliki keperibadian tertentu.

Antara ciri-ciri seorang pendakwah adalah memahami agama, menjadi teladan yang baik, penyabar, berlemah lembut, seorang yang pemudah dan bukan pula pemayah, merendah diri, pemurah, beramah mesra dan sedia berkhidmat dan menumpahkan pertolongan (Abdul Hadi Awang:245-254). Hal yang demikian kerana dalam konteks dakwah yang ditemukan dalam naskhah kajian, mendapati bahawa ciri-ciri dakwah yang ditekankan dalam Islam adalah untuk menyempurnakan nilai-nilai kebenaran, kesucian dan kebaikan dalam usaha menyempurnakan kefahaman umat Islam akhir zaman untuk menangkis seruan jahat Dajjal yang menyesatkan.

Justeru, beberapa panduan untuk memilih pemimpin telah digariskan dalam Islam. Hal ini kerana, pemimpin adalah ketua yang dipertanggungjawabkan memacu pentadbiran dan kerajaannya kearah kemakmuran dan keharmonian sejagat. Lantaran itu, seorang pemimpin perlulah dihormati. Kepatuhan terhadap perintah pemimpin perlu diikuti selagi tidak bercanggah dengan Islam. Oleh yang demikian, penegasan terhadap pemilihan pemimpin yang digariskan oleh agama Islam telah terbukti melalui firman Allah dalam Surah an-Nur Ayat 55 yang bermaksud:

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.

Jelas daripada ayat al-Quran tersebut dapat difahami bahawa hanya manusia yang beriman dan beramal soleh akan dipilih menjadi pemimpin yang berkuasa di muka bumi ini. Hal ini kerana, pemimpin yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki Allah, akan memperkukuh agama Islam

dan dapat mewujudkan suasana negara yang aman sentosa dan diredai Allah. Demikian ini dapat dibuktikan dalam kisah al-Imam al-Mahdi yang diceritakan dalam naskhah kajian.

Dan lagi riwayat daripada Ibnu 'Umar radiya Allah 'anhuma sabda Nabi salla Allahu 'alayhi wa sallam:

يَخْرُجُ الْمَهْدِيُّ مِنْ قَرْيَةٍ يُقَالُ لَهَا كَرَمَةٌ وَ أَنَّهُ يَرْفَعُ الْجُورَ عَنِ الْأَرْضِ وَيَبْلُغُ الْإِسْلَامَ الْمَشَارِقَ وَالْمَغَارِبَ وَيَفْتَحُ
لِقُسْطَنْطِينِيَّةَ

Ertinya: Keluar Mahdi daripada suatu kampung dikatakan karimah dan bahawasanya mengangkat kan aniyana daripada bumi dan menyampaikan Islam itu kepada Mashriq kepada Maghrib dan mengalahkan negeri Qastantiniyyah. (hlm. 33)

Penelitian terhadap hadis yang ditulis dalam naskhah kajian menonjolkan ciri-ciri pemimpin yang dikehendaki Islam iaitu menghapuskan penganiayaan, menyampaikan agama Islam ke seluruh pelosok dunia dan berani berjihad (berjuang) di medan perang dalam usaha menakluk Qastantiniyyah (Istambul, ibu kota Turki) untuk mengembalikan agama Islam. Telah dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut:

Dan sesungguhnya telah Kami tulis di dalam Zabur (sesudah kami tulis dalam) Luh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hamba-Ku yang soleh. (Surah al-Anbiya:105)

Melalui firman Allah tersebut dapat difahami bahawa pada suatu masa kelak (menjelang kiamat), bumi ini akan ditakluki oleh insan-insan yang baik. Peperangan menakluk sesebuah negara dalam menyebarkan agama Islam diberi ganjaran syurga oleh Allah SWT.

Konsep Jihad

Menurut Idris Ahmad, (1969:416) dalam Jihad dan Pengertiannya (Amat Johari Moain 1991:7) menjelaskan maksud jihad sebagai perjuangan yang meliputi perlakuan dalam bentuk lisan, tulisan dan senjata. Dalam konteks kajian, didapati bahawa konsep jihad diutarakan melalui watak al- Imam al-Mahdi yang berjuang menakluk negeri Turki dan berperang di negeri Sham dengan melawan musuh-musuh Islam seterusnya menyelamatkan setiap nyawa kanak-kanak dengan membebaskan mereka daripada tawanan musuh seperti dalam petikan yang berikut:

Panji-panji dipasangkan Mahdi dibangkitkan kepada negeri Turki maka mematahkan mereka itu dan mengambil barang-barang serta mereka itu daripada tawanan dan [h]arta kemudian berjalan pula kepada negeri Sham memerangkan akan dia maka mengalahkan dia kemudian dimerdeka kan tiap-tiap budak-budak. (hlm.31)

Petikan yang berikutnya juga turut menonjolkan unsur-unsur jihad:

Shahdan maka adalah jumlah daripada keramat Imam Mahdi tatkala ia pergi perang pada negeri Qastantiniyyah dihujamkannya akan panji-panjinya ke bumi supaya mengambil wudu' ia pada waktu subuh maka jadi berjauhlah daripadanya air lautnya. (hlm. 31)

Justeru dapat disimpulkan melalui penelitian terhadap petikan-petikan teks di atas bahawa jihad adalah suatu usaha yang bersungguh-sungguh, dilakukan oleh al-Imam al-Mahdi untuk menentang anasir-anasir jahat yang merosakkan dan memusnahkan sesebuah negara demi mencapai keredaan Allah SWT. Dalam konteks kajian, penelitian ini dapat dirumuskan bahawa perjuangan mengangkat agama, mencemerlangkan agama dan menyeru manusia kepada mempertahankan agama adalah tergolong dalam maksud jihad. Hal yang demikian ini kerana

jihad meliputi seluruh penggunaan tenaga dan kesanggupan untuk menolak musuh-musuh dan menundukkan setiap manusia yang mewujudkan pertentangan dan perlawanan melalui perjuangan (jiwa) seperti perjuangan melawan orang musyrikin yang merampas hak dan hakikat, berjuang dengan lisan iaitu menyuruh melakukan yang makruf dan menegah kemungkaran dengan hujah-hujah terhadap pihak lawan yang menentang Islam seterusnya menyeru mereka supaya memelihara agama Allah, (H.M Arsjad Thalib Lubis, 1968:263). Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa konsep jihad yang dipaparkan dalam bahan kajian menepati aspek-aspek yang telah dirincikan di atas.

Jadual 1: Analisis Kandungan Ciri-ciri Kepimpinan Islam pada Watak Imam al-Mahdi

Ciri-ciri Kepimpinan Islam	Kekerapan	Muka Surat Teks
Berteras Konsep Khalifah	3	8, 13, 26
Berteras Konsep Dakwah	1	33
Berteras Konsep Jihad	3	31, 31, 31
Jumlah	7	7

Berdasarkan Jadual 1 dapat dirumuskan bahawa, tiga ciri kepimpinan Islam pada watak Imam Mahdi terkandung dalam naskhah kajian. Tiga ciri tersebut merangkumi konsep khalifah, konsep dakwah dan konsep jihad. Konsep khalifah dijelaskan dalam muka surat yang berbeza dan konsep dakwah dihuraikan dalam satu muka surat sahaja. Manakala konsep jihad ditekankan sebanyak tiga kali pada muka surat yang sama dengan petikan yang berbeza.

Perbincangan

Penulisan tentang kisah Imam Mahdi pernah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji dan penulis terdahulu. Antaranya karangan Muhammad Isa Daud (2006) dengan judul buku: Kehadiran Yang Ditunggu-tunggu Imam Mahdi Di Ambang Pintu, yang diambil kisahnya dari kitab versi Arab yang berjudul: Al-Mahdi Al-Muntazar Ala al-Abwah dan diterjemah oleh Syamsuddin Ali Nasution. Karangan tersebut telah mengupas kemusykilan semasa tentang pemahaman pengetahuan dan kepercayaan umat Islam terhadap al-Mahdi.

Penelitian dan kajian juga turut dilakukan ke atas artikel-artikel terbitan dari seluruh dunia tentang kisah Imam Mahdi dan membuat perbandingan ke atasnya. Antaranya, ialah artikel yang ditulis oleh Aozoald KL (1992) dalam akhbar The Times, London, G,H Fanmirndg seorang ahli fikir Jerman dan L.S Hans Ilya (1992) pemikir Amerika dalam akhbar Newyork Times. Kupasan isu-isu peperangan dekad ini menjadi perbincangan utama yang dikaitkan dengan kemunculan al-Mahdi sebagai pemerintah dunia menjelang kiamat.

Melihat kepada prinsip kerasulan yang bersifat *Kamil* sebagai teras kedua dalam teori Takmilah yang diterapkan ke dalam naskhah kajian ini menemukan tiga konsep utama kepimpinan yang berlandaskan Islam iaitu konsep khalifah, konsep dakwah dan konsep jihad. Ketiga-tiga konsep ini dapat dikupas dengan cermat. Rasulullah SAW dijadikan sebagai *role model* untuk memastikan ciri-ciri kepimpinan dapat dihuraikan dengan baik.

Selain daripada itu, sebagai pemimpin yang dipilih untuk meneraju kepimpinan dan menakluk dunia menjelang kiamat, harus sedia berdakwah iaitu menjalankan aktiviti penyebaran Islam dan membentaras penyelewengan kuasa, maksiat dan fitnah. Hal yang demikian ini bertujuan untuk membersihkan bumi ini daripada sebarang kemungkaran dalam memandu manusia dan umat Islam khususnya daripada kesesatan dan penipuan Dajjal dan sekutu-sekutunya. Bahkan

menjadi kewajiban sebagai seorang pemimpin berdakwah untuk memastikan umat manusia menerima kefahaman yang sempurna terhadap agama Islam yang dianuti.

Manakala konsep jihad yang terangkum dalam teras kerasulan sebagai insan *Kamil* pula mengetengahkan bahawa usaha dan kesungguhan Imam Mahdi dalam membela agama dan membebaskan negara Islam daripada penaklukan kuasa Dajjal dan sekutunya adalah suatu perjuangan yang membawa maksud jihad. Hal yang demikian ini merupakan suatu jihad yang besar demi memastikan masyarakat atau rakyat sesebuah negara mendapat hak dan mencapai kesejahteraan. Peranan Nabi Isa AS dalam kisah ini juga tidak dinafikan kerana turut memperluas maksud jihad. Isa AS merupakan manusia terpenting yang satu-satunya dapat membunuh Dajjal. Justeru maksud jihad dalam konteks kajian terarah kepada satu perjuangan besar melawan musuh hingga mengakibatkan pertumpahan darah. Menjadi adat dalam setiap peperangan yang berlaku pastinya melibatkan nyawa tidak mengira perbezaan usia. Kisah dalam kajian ini merumuskan bahawa turut menjadi mangsa tawanan perang adalah dalam kalangan kanak-kanak. Justeru itu Imam Mahdi berperanan dan bertindak sebagai penyelamat yang memerdekakan kanak-kanak daripada tawanan perang dan mengalahkan negeri Sham dalam peperangan.

Analisis terhadap aspek-aspek kepimpinan Islam yang dibincangkan dalam naskhah kajian merupakan satu penemuan baru yang tidak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Justeru, penemuan ini dapat mengangkat keilmuan Islam dari sudut kepimpinan yang jarang sekali diketahui oleh masyarakat umum.

Kesimpulan

Ciri-ciri pemimpin akhir zaman yang diuraikan berdasarkan konsep khalifah, dakwah dan jihad telah menjawab persoalan-persoalan dalam kajian. Penjelasan tentang prinsip kerasulan yang menunjangi ciri-ciri pemilihan sebagai pemimpin, berperanan sebagai pendakwah yang menyeru dan mengajak manusia kearah kebaikan dan semangat berjihad iaitu berjuang mengagungkan Islam dan mempertahankannya daripada unsur-unsur yang memusnahkan jelas telah dapat menguraikan aspek-aspek kepimpinan yang ditekankan oleh Islam. Penulisan tentang kisah Imam al- Mahdi adalah suatu kisah yang amat menarik dibahaskan dan dibincangkan kerana mencakupi pelbagai aspek yang boleh diteliti dengan lebih mendalam. Ketelitian pengarang menulis dan menyalin dengan cermat tentang kisah Imam al- Mahdi menggambarkan suatu usaha yang baik dan bersungguh-sungguh demi menyalurkan pengetahuan kepada khalayak pembaca khususnya umat Islam dalam memperhalusi dan memahami cabang atau ranting kepada Rukun Iman yang Enam.

Aspek-aspek yang boleh dikupas dan diteliti untuk kajian pada masa akan datang ialah jumlah himpunan hadis-hadis sahih yang menceritakan tentang kisah Imam Mahdi. Melalui kajian tersebut dapat dilihat dan ditapis sejauh mana kupasan kisah Imam al- Mahdi mendapat tempat dalam hadis-hadis sahih dan bagaimana mengesan hadis-hadis daif tentangnya. Kajian perbandingan juga dapat dijalankan antara kitab-kitab klasik dengan buku-buku moden yang menceritakan tentang kisah Imam al- Mahdi. Kajian terperinci juga wajar dijalankan tentang aspek ketuhanan yang boleh diteliti dalam penulisan-penulisan tentang kisah Imam Mahdi berpandukan buku-buku ilmiah atau menganalisisnya berpandukan teori-teori sastera khususnya teori berunsur Islam. Sumber rujukan utama penghasilan karya kisah Imam al- Mahdi juga wajar diketengahkan bagi memperhalusi cara kepengarangan ulama-ulama terdahulu dalam menghasilkan sesebuah manuskrip atau buku. Disamping itu, banyak unsur-unsur dakwah dapat juga dikupas melalui kisah Imam al- Mahdi sebagai manusia terpilih yang menjadi penyelamat dunia.

Rujukan

- Abdullah, W. M. S. (1990). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: ulama' dan pengarang terulung Asia Tenggara*. Penebitan Hizbi.
- Abidin, M. Z. (2000). *Uslub dakwah: kajian khusus Ayat 44 Surah al-Baqarah* (Doctoral dissertation, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999/2000.)
- Abu Bakar, I. (1990). *Konsep kerasulan dan peranannya dalam pembentukan masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Ahmad, S. (1997). *Konsep Imam Mahdi menurut ahli Sunnah Wal Jamaah: suatu kajian khusus terhadap Imam Mahdi menurut Darul Arqam* (Doctoral dissertation, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).
- Al-Qarashi, B. S., & Rizvi, S. (2006). *The Life of Imam al-Mahdi*. Qum: Ansariyan Publications, 40.
- Arbi, A. (2003). *Dakwah dan komunikasi*. Jakarta: UIN-Pres.
- Daud, M.I. (2006). *Kehadiran yang Ditunggu-tunggu imam Mahdi Di Ambang Pintu*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Ibn Manzur, M. (1968). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Idris, A. (1969). *Fiqh Menurut Madzhab Syafi'i*. Jakarta: Widjaya, Cet. Ke-1.
- Jones, R. (1986). One of the oldest Malay manuscripts extant: The Laud or. 291 manuscript of the Hikayat Seri Rama. *Indonesia Circle*, 14(41), 49-53.
- Jones, R. (2005). On the use of the Arabic tashdid to represent the pēpēt (ě) in Malay script. *Indonesia and the Malay World*, 33(97), 281-292.
- Kamarudin, K. (2006). *Novel-novel berunsur Islam: satu analisis berdasarkan teori takmilah* (Doctoral dissertation, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).
- Kamarudin, K. (2011). *Takmilah Dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin, K., Marlina, T.I., Safei, M. (2016). *Takmilah Semiotik Intertekstualiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Karim, A. R. A. (2002). *Aspek penggunaan bahasa dalam warkah-warkah Melayu lama: satu kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Khairudin, M. A. (2012). *Uslub dakwah Sheikh Ahmed Deedat dalam buku The Choice* (Doctoral dissertation, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Maraghi, S. A. M. (2001). *Tafsir al-Maraghi. Jilid 1 Juzuk 1 & 2*. (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marjuni, K. N. (2016). *Imam Mahdi*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Mukhdar, M, Hakim, A. (2016). *Coming of Imam Mahdi*. Puchong, Selangor: Pustaka Ibnu Katsir Sdn. Bhd.
- Nurish, A. (2015). Perjumpaan Baha'i dan Syiah di Asia Tenggara: Paradoks Munculnya Imam Mahdi di Abad Modern. *Pengantar Redaksi*, 145.
- Omar, A. M. (2007). Pengenalan Dakwah. *Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi*, 28-30.
- Rahim, N. H. A. (2008). *Uslub dakwah dalam wasiat Luqman al-Hakim* (Doctoral dissertation, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007/2008.).
- Rahman, F. (1994). *Islamic methodology in history*. Adam Publishers.
- Rohayati, J. (2013). *Ketakmilahan Watak Dalam Novel Baldatun Thoyyibatun Warabbun Ghafuur* (Bachelor dissertation, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

- Sachedina, A. A. (1990). *The Development of Jihad in Islamic Revelation and History. Cross, Crescent, and Sword: The Justification and Limitation of War in Western and Islamic Tradition*, New York: Greenwood, 41.
- Sadr, M. M. B. A. (2014). *An inquiry concerning Al-Mahdi*. Lulu Press, Inc.
- Suhaimi, M. I. M. (2011). *Uslub tarikan dakwah dalam buku al-tariq ila al-qulub oleh'Abbas Al-sisi* (Doctoral dissertation, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Yalawae, A., & Ibrahim, A. F. (2007). Akhlak Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat. *Jurnal Usuluddin*, 26, 71-83.
- Sasongko, W. (2003). *Armageddon peperangan akhir zaman: menurut al-Qur'an, hadits, taurat, dan injil*. Gema Insani.
- Zain, N. S. H. M. (1991). *Imam Al Mahdi menurut masyarakat Melayu: satu kajian khusus di daerah Kuala Muda* (Doctoral dissertation, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).
- Zakaria, A. W. (1994). *Konsep Kepimpinan dalam Islam-Pesanan Seorang Da'i*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zin, A. A. M. (1996). Minhaj Dakwah Masakini: Suatu Pengenalan. *Jurnal Usuluddin*, 3, 77-101.